



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA



GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM BANTUAN LESEN MEMANDU KELUARGA MALAYSIA (BLKM) - PENGANJUR



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA



OBJEKTIF PROGRAM

- Bagi meningkatkan daya upaya sosio ekonomi golongan B40 dan luar bandar;
- Memberi kesedaran kepada masyarakat untuk lebih mengutamakan keselamatan jalan raya; dan
- Mengatasi masalah tidak memiliki Lesen Memandu Kelas B2 di kalangan masyarakat yang kurang berkemampuan.



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA



PIHAK YANG TERLIBAT

UTAMA

PENGANJUR/PEMOHON

PENYELARAS

INSTITUT MEMANDU

SOKONGAN (JIKA PERLU)

AGENSI PENYEDIA CALON

AGENSI KERAJAAN/ PEJABAT
DAERAH/ PIHAK BERKUASA
TEMPATAN



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA



KRITERIA PENGANJURAN PROGRAM

Program BLKM **hanya** akan dianjurkan sekiranya terdapat permohonan dari pihak-pihak berikut:

- i. Agensi Kerajaan yang terlibat dengan pembangunan masyarakat;
- ii. Agensi yang bertanggungjawab dalam menyelaras sumbangan bantuan Kerajaan kepada masyarakat;
- iii. Pemimpin masyarakat yang dilantik atau diiktiraf oleh Kerajaan untuk menyuarakan hasrat masyarakat; dan
- iv. Lain-lain agensi yang difikirkan perlu dan boleh memberi sumbangan kepada rakyat dan negara, tertakluk kepada persetujuan Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan Malaysia.



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA



PERMOHONAN PENGANJURAN PROGRAM - PENGANJUR

- i. Pihak Pemohon perlu mengemukakan surat permohonan/ kertas cadangan kepada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Negeri bagi menyatakan hasrat untuk melaksanakan program BLKM yang mengandungi maklumat asas seperti berikut:
- Kumpulan Sasar;
 - Kawasan/ Lokasi Kumpulan Sasar;
 - Justifikasi Permohonan;
 - Cadangan Tarikh;
 - Peruntukkan/ Bajet; dan
 - Lain-lain maklumat yang bersesuaian.



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA



PERTIMBANGAN PENGANJURAN PROGRAM

JPJ Negeri boleh mempertimbangkan permohonan yang diterima daripada pihak luar sekiranya menepati kehendak program BLKM. JPJ Negeri boleh menolak atau menangguh program sekiranya:

- i. Tidak menepati kehendak program BLKM; atau
- ii. Bilangan permohonan adalah tinggi dan JPJ Negeri tidak mampu melaksanakan kesemuanya kerana kekangan masa dan sumber manusia.



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA



KERTAS PERMOHONAN KELULUSAN PENGANJURAN PROGRAM

Kertas permohonan disediakan oleh Penganjur/ JPJ Negeri sekiranya permohonan pihak luar tersebut dipertimbang untuk dilaksanakan dengan butir-butir berikut dan ianya perlu dipanjangkan kepada Bahagian Korporat & Perancangan Strategik, Ibu Pejabat JPJ:

- Tarikh Program;
- Tempat Program (Berserta gambar);
- Tempat Latihan/ Pengujian (Berserta gambar);
- Sasaran dan bilangan calon;
- Justifikasi pemilihan calon;
- Agensi yang terlibat/ jawatankuasa program;
- IM yang terlibat; dan
- Borang Permohonan Kod Cawangan.



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

SYARAT-SYARAT CALON

Calon perlulah memenuhi kriteria berikut bagi melayakkan diri untuk mengikuti program BLKM:

- i. Warganegara Malaysia;
- ii. Berumur tidak kurang daripada 16 tahun;
- iii. Penerima bantuan zakat/ baitulmal (Jabatan Agama Islam Negeri) atau penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKM) atau penerima Bantuan Keluarga Malaysia/ Prihatin Rakyat (Lembaga Hasil Dalam Negeri), calon perlu menyerahkan salinan dokumen bantuan;
- iv. Tanggungan kepada penerima bantuan seperti para (iii) di atas, juga boleh dipertimbangkan untuk mengikuti program ini;



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

SYARAT-SYARAT CALON (Sambungan)

- v. Sihat tubuh badan dan mental;
 - vi. Tiada kecacatan fizikal;
 - vii. Tiada senarai hitam JPJ atau Polis DiRaja Malaysia (PDRM); dan
 - viii. Belum memiliki sebarang lesen memandu.
-
- Perkara (iii) di atas adalah terkecuali bagi calon yang diselaraskan oleh Agensi Kerajaan yang menjadi penyelaras kepada pembangunan atau bantuan masyarakat seperti Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), JKM dan lain-lain; dan
 - Setiap pemohon/ calon dikehendaki untuk melengkapkan Borang Permohonan Program Bantuan Lesen Memandu Keluarga Malaysia (BLKM) dan juga Borang Perakuan Kesihatan Calon Program Bantuan Lesen Memandu Keluarga Malaysia (BLKM) bagi tujuan penilaian pemilihan calon.




KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA



KAPASITI (CALON) PELAKSANAAN PROGRAM

Cadangan jumlah calon bagi satu (1) program BLKM adalah **tidak melebihi 300 orang** (maksima). Namun, JPJ Negeri selaku penyelaras program boleh menentukan bilangan (maksima) calon yang boleh diterima bagi pelaksanaan program BLKM berdasarkan kepada sumber manusia/ tenaga kerja, kapasiti lokasi latihan dan lain-lain faktor yang berkaitan





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA



PEMBIAYAAN PROGRAM

- Kos bagi penganjuran program adalah diuruskan sepenuhnya oleh **pihak yang memohon** penganjuran program BLKM;
- Sekiranya terdapat peruntukan/ dana yang disalurkan oleh pihak Kerajaan kepada JPJ bagi pelaksanaan program BLKM, JPJ Negeri/ Pejabat JPJ Cawangan yang terlibat boleh membuat pembayaran kepada perbelanjaan yang telah dilaksanakan atau secara pemberian geran kepada pihak yang berkenaan; dan
- JPJ Negeri/ Pejabat JPJ Cawangan yang bertanggungjawab bagi penganjuran program **tidak dibenarkan** untuk terlibat dalam pengurusan kewangan bagi pelaksanaan program sekiranya sumber kewangan yang digunakan adalah selain daripada peruntukan/ dana yang disalurkan oleh pihak Kerajaan kepada JPJ.



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA



JAWATANKUASA PROGRAM

Jawatankuasa Khas Program perlu ditubuhkan dengan keahlian jawatankuasa di kalangan agensi-agensi lain, seperti di bawah, dan lain-lain agensi yang bersesuaian:

WAJIB

- i. JPJ Negeri;
- ii. Penganjur; dan
- iii. Institut Memandu (IM);

JIKA PERLU

- iv. Agensi Penyedia Calon;
- v. Agensi Kerajaan/ Pejabat Daerah/ Pihak Berkuasa Tempatan; atau
- vi. Lain-lain pihak yang bersesuaian.



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA



PENETAPAN FI CALON

- Fi calon ditetapkan berdasarkan keperluan sepanjang program dalam jumlah yang perlu dan minimum oleh Jawatankuasa Penganjuran Program;
- Fi yang dikenakan kepada calon, adalah **tidak melebihi Ringgit Malaysia: Dua Ratus sahaja (RM200.00)** bagi Program di **Semenanjung Malaysia** dan **Ringgit Malaysia: Dua Ratus Lima Puluh sahaja (RM250.00)** bagi Program di **Sabah dan Sarawak**;



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA



PENETAPAN FI CALON (Sambungan)

- Semua kutipan fi perlu dibelanjakan untuk menampung semua keperluan sepanjang tempoh pelaksanaan program, termasuk pembayaran bagi hasil-hasil Kerajaan, bayaran kepada IM dan kos-kos yang lain;
- Fi calon boleh dikurangkan dengan bantuan atau sumbangan agensi-agensi lain seperti penggunaan dewan tanpa caj bagi tujuan latihan dan pembelajaran atau penggunaan fasiliti IM berhampiran atau lain-lain sumbangan/ bantuan yang bersesuaian;



PENETAPAN FI CALON (Sambungan)

Penetapan tersebut adalah mengambil kira beberapa faktor sebagaimana dalam jadual di bawah:

Aktiviti	Semenanjung Malaysia	Sabah / Sarawak
Bayaran Pengurusan Program: <ul style="list-style-type: none">• Penyediaan Keperluan Latihan/ Praktikal;• Kursus pengajaran dalam bilik darjah (KPP01);• Makan Minum (Calon);• Logistik (Khemah /Sewaan/ Pengangkutan);• Pelekat L dan P;• Insurans Peserta; dan• Yuran Pentadbiran (Sekiranya ada).	RM 186.00	RM 236.00
Ujian Bertulis/ Lisan Bahagian I	PERCUMA	PERCUMA
Kad Ujian (JPJL3)	PERCUMA	PERCUMA
Buku Teks KPP – Hasil Kerajaan	RM 10.00	RM 10.00
Lesen Belajar Memandu (LDL) – Hasil Kerajaan	RM 2.00	RM 2.00
Lesen Memandu Percubaan (PDL) – Hasil Kerajaan	RM 2.00	RM 2.00
Jumlah Fi	RM200.00 (maksimum)	RM 250.00 (maksimum)



KAEDAH PELAKSANAAN KURSUS/ LATIHAN

Kursus, latihan dan praktikal yang dilaksanakan perlulah mematuhi jumlah jam minimum, sebagaimana yang telah ditetapkan dalam peraturan dan tiada sebarang pengecualian terhadap perkara tersebut. Kesemua calon yang berjaya perlu melepasi semua kursus, latihan dan ujian yang telah ditetapkan bagi melayakkan diri untuk mendapatkan lesen memandu yang sah. Struktur pelaksanaan latihan/ ujian yang ditetapkan adalah sebagaimana yang dikendalikan oleh IM iaitu:

- Kursus Teori Penunggangan Selamat (KPP01) – Enam (6) jam;
- Ujian Bertulis/ Lisan (bagi calon kategori buta huruf/ lembam sahaja);
- Memegang Lesen Belajar Memandu (LDL) **yang sah sekurang-kurangnya 30 hari**;
- Latihan Amali Litar (KPP02) – Sembilan (9) jam Tiga Puluh (30) minit;
- Latihan Amali Jalan Raya (KPP03) – Lima (5) jam Tiga Puluh (30) minit;
- Melepasi Pra ujian (QTI); dan
- Lulus Ujian Praktikal.



TEMPOH LATIHAN

- Tempoh latihan yang dianggarkan adalah dari tiga (3) hingga lima (5) bulan, mengambil kira perkara-perkara berikut:
- Dilaksanakan pada cuti hujung minggu atau mana-mana tempoh masa yang bersesuaian, agar tidak mengganggu rutin peserta; dan
- Kesemua peserta perlu melalui jumlah masa kursus dan latihan yang diwajibkan, justeru tempoh masa tersebut adalah mencukupi untuk peserta-peserta memenuhi keperluan yang telah ditetapkan.

